



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 30 JULAI 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **lima (5) kes** yang telah pulih COVID-19 pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah sebanyak **8,617** kes (96.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 30 Julai 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **lapan (8) kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **8,964 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 223 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada lapan (8) kes baharu yang dilaporkan, tiga (3) kes adalah kes import yang telah mendapat **jangkitan di luar negara** yang melibatkan dua (2) warganegara Malaysia dan satu (1)

bukan warganegara yang dibenarkan masuk ke Malaysia. Tiga (3) kes import tersebut adalah dari negara:

- Kazakhstan (1 kes di Selangor);
- Indonesia (1 kes di Kedah); dan
- Filipina (1 kes di Sabah).

Kesemua lima (5) kes **penularan di dalam negara** adalah di kalangan **warganegara Malaysia**. Perinciannya adalah seperti berikut:

- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: satu (1) kes saringan di sebuah pusat perubatan;
- Johor: satu (1) kes saringan pra pembedahan di Hospital Tengku Ampuan Afzan, Pahang;
- Sabah -Tiga (3) kes:
  - Satu (1) kes saringan rujukan ke hospital di Hospital Queen Elizabeth;
  - Satu (1) kes saringan hospital di Hospital Queen Elizabeth; dan
  - Satu (1) kes saringan pra pembedahan di Hospital Tawau.

Tiada kes di kalangan bukan warganegara Malaysia yang dilaporkan.

Sehingga kini, terdapat **tiga (3) kes** positif COVID-19 sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**. Satu (1) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Adalah dimaklumkan bahawa **tiada** pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini. Justeru, jumlah

kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak **124 kes** (1.38 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

## **RAIKAN HARI RAYA AIDILADHA DENGAN DENGAN NORMAL DAN KEBIASAAN BAHARU**

Umat Islam bakal meraikan Hari Raya Aidiladha pada 31 Julai 2020, pun begitu, seperti perayaan-perayaan lain yang diraikan kebelakangan ini semasa pandemik COVID-19 ianya juga harus diraikan dengan cara yang berbeza berbanding tahun-tahun sebelumnya. Khuatir dengan risiko penularan jangkitan COVID-19 di kalangan masyarakat pada Hari Raya Aidiladha, Kerajaan telah mengambil pelbagai pendekatan dalam membenarkan umat Islam meraikan perayaan Hari Raya Aidiladha dengan lebih selamat.

KKM menasihatkan orang ramai untuk mengelakkan daripada mengadakan sebarang perhimpunan besar-besaran bagi sambutan Hari Raya Aidil Adha. Beberapa Prosedur Standard Operasi (SOP) telah dibangunkan bagi membolehkan sambutan diraikan dengan normal baharu.

KKM juga ingin menekankan bahawa pemakaian alat pelitup muka (*facemask*) adalah amat digalakkan di tempat yang sesak dan sempit, terutamanya sekiranya penjarakan fizikal (*physical distancing*) sukar diamalkan. Namun begitu, harus diingati bahawa ketiga-tiga penjarakan fizikal, kebersihan tangan dan pemakaian *facemask* adalah amat penting dan harus diamalkan selalu.

Berhati-hatilah di jalan raya dan patuhilah arahan pihak berkuasa ketika memandu. Jika bersinggah di kawasan Rehat dan Rawat (R&R), pastikan patuhi SOP yang ditetapkan. Bagi yang mengambil pengangkutan awam pula, ikutilah SOP yang ditetapkan dan pakailah pelitup muka.

Ini adalah tanggungjawab sosial yang harus dipenuhi bersama-sama oleh setiap lapisan dan kategori masyarakat. Dengan kerjasama orang ramai, kita boleh mengelakkan daripada berlakunya sebarang penularan COVID-19 semasa perayaan ini.

### **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

Susulan itu, masyarakat dinasihatkan untuk terus waspada dan terus amalkan nasihat-nasihat ini sebagai satu kebiasaan baharu bukan sahaja semasa musim perayaan, namun dalam kehidupan harian misalnya:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang **dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), sangat digalakkan memakai alat pelitup separuh muka (penutup hidung dan mulut - *facemask*) di tempat awam atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
  - Elakkan bersalaman / bersentuhan;

- Amalkan etika batuk dan bersin;
- Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
- Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

30 Julai 2020 @ 5.00 petang.

**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 30 JULAI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>PERLIS</b>	0	19
<b>KEDAH</b>	1 (1)	107
<b>PULAU PINANG</b>	0	121
<b>PERAK</b>	0	262
<b>SELANGOR</b>	1 (1)	2,122
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	0	1,028
<b>MELAKA</b>	0	258
<b>JOHOR</b>	1	739
<b>PAHANG</b>	0	370
<b>TERENGGANU</b>	0	114
<b>KELANTAN</b>	0	160
<b>SABAH</b>	4 (1)	397
<b>SARAWAK</b>	0	677
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	1	2,473
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	0	98
<b>W.P. LABUAN</b>	0	19
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>8 (3)</b>	<b>8,964</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import